

## **Kerajaan timbang pasang alat pengimbas canggih di lapangan terbang kecil: Ahmad**

Posted on February 12, 2015, Thursday

MIRI: Kerajaan sedang mempertimbangkan kemungkinan melengkapinya lapangan terbang kecil di Sarawak dan Sabah dengan alat pengimbas berteknologi tinggi untuk meningkatkan tahap penguatkuasaan terhadap kegiatan penyeludupan dadah.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, kerajaan perlu bertindak drastik dalam perkara ini berikutan tindakan penyeludup sekarang yang dilihat telah menukar taktik mereka dengan menyeludup dadah melalui lapangan terbang kecil kerana ketiadaan kemudahan mesin pengimbas.

“Saya akan mencadangkan kepada pegawai tertinggi kementerian untuk mengkaji perkara ini kerana ia merupakan keutamaan sekarang,” ujarnya.

Beliau memberitahu demikian kepada pemberita se-lepas melawat tapak pembinaan bangunan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) di sini semalam.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri Lawrence Lai Yew Son dan Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia Miri dan Ketua Stesen Jabatan Kastam Diraja Malaysia Miri, Hasimah Semuli.

Pada Selasa lalu, Ketua Pengarah Kastam Datuk Seri Khazali Ahmad dilaporkan sebagai berkata lapangan terbang di Sarawak dan Sabah kini menjadi sasaran penyeludup dadah kerana tidak mempunyai kemudahan mesin pengimbas, selain kekurangan tenaga kerja.

Selain itu, Pengarah Kastam Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Datuk Chik Omar Chik Lim pada hari sama juga dilaporkan berkata bahawa Lapangan Terbang Mulu disyaki menjadi antara pintu masuk kerana ia tidak mempunyai mesin pengimbas.

Menurut Chik Omar, sebuah beg mengandungi 5.3kg dadah bernilai RM1 juta telah dirampas pihaknya pada 29 Januari lalu semasa ia transit di KLIA dari Lagos, Nigeria untuk ke Mulu.